

NGO gesa kerajaan libatkan rakyat, bukan rahsiakan kenaikan tol
The Malaysian Insider
Jun 17, 2015

Badan pemantau pemberi maklumat, National Oversight and Whistleblowing Centre (NOW) menggesa Putrajaya berhenti mengklasifikasikan kenaikan tol lebuhraya sebagai rahsia sulit kerajaan.

Dalam kenyataannya, pertubuhan pro-PMR itu berkata, kerajaan sebaliknya perlu melibatkan orang ramai dalam sebarang keputusan menaikkan harga tol lebuhraya.

"Perbincangan atau keputusan yang melibatkan rakyat tidak wajar diklasifikasikan sebagai rahsia.

"Apa yang perlu dilakukan adalah sebaliknya, iaitu kerajaan perlu mengadakan rundingan dan perbincangan terbuka agar rakyat faham dan jelas mengenai implikasi pelaksanaan sesuatu keputusan," kata Pengarah NOW, Akmal Nasir dalam kenyataannya.

12 Jun lalu, Berita Harian mendedahkan 16 lebuhraya utama di seluruh negara dijangka menaikkan kadar tol antara 20 sen hingga RM1 Ogos ini.

Akhbar itu memetik Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof sebagai berkata, mengikut perjanjian konsesi, tol semua lebuhraya tersebut sepatutnya sudah lama dinaikkan.

Keesokan harinya, Najib melahirkan kekecewaan dan menyifatkan tindakan ahli Kabinet mendedahkan cadangan kenaikan itu kepada media sebagai pengkhianatan.

Akmal yang juga ketua cabang PMR Johor Baru membidas kenyataan Najib itu.

"Kebocoran maklumat ini bukan perbuatan khianat apatah lagi ia langsung tidak melibatkan isu keselamatan atau mengancam negara.

"Sebaliknya, tindakan kerajaan membuat keputusan yang mempunyai kesan secara langsung terhadap rakyat tetapi dibuat secara sulit adalah mengkhianati amanah rakyat," katanya. - 17 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ngo-gesa-kerajaan-libatkan-rakyat-bukan-rahsiakan-kenaikan-tol>